



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' DR JUHARI BIN AHMAD,
TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS
DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 3/2019
27 MAC 2019, RABU
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS Bil. 3 /2019 bagi bulan Mac pada pagi yang berbahagia ini.

UCAPAN TAHNIAH DI ATAS PERLANTIKAN AHLI MAJLIS

1. Pertama sekali, Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berusaha Tuan Zahiri Bin Zahid Sofian dari Parti Amanah yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi dan dilantik sebagai Ahli Majlis Zon 10 bagi penggal 2018-2020 menggantikan Tuan Wan Anwar Bin Wan Ibrahim.
2. Dengan pelantikan ini saya harap agar semua warga kerja MPS dapat memberikan kerjasama yang erat kepada semua Ahli Majlis kita dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan MPS kepada masyarakat.

MAJLIS PENGHARGAAN TUAN SULIMAN ABDUL RAHMAN

3. Seperti yang semua sedia maklum, pada 22 Mac 2019 yang lalu, satu Majlis penghargaan telah pun diadakan untuk Mantan YDP MPS- Tuan Suliman Bin Abdul Rahman. Dikesempatan ini, saya bagi pihak seluruh warga MPS mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga atas khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang 4 tahun belia berkhidmat di MPS.
4. Secara peribadi saya melihat beliau sebagai seorang yang mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam pentadbiran dan pengalaman ini dibawa ke MPS dan dibuktikan dengan pembaharuan dan kejayaan, antaranya:

- Pengiktirafan dan Penarafan (Start Rating, APPC, ISO, Sijil Bersih Dll.)
 - Pencapaian Dalam Bidang Sukan
 - Kebajikan Kakitangan MPS (ANULAE MPS, tuntutan Cermin Mata, Pembekalan Vest Dll.)
 - Hubungan Baik dengan Ahli Majlis
5. Saya mengucapkan semoga beliau akan terus sukses di tempat yang baru nanti. Insya'Allah.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

PEMAKLUMAN PENEMPATAN PENGARAH-PENGARAH MPS

6. Saya juga ingin memaklumkan bahawa satu sesi penempatan pengarah di beberapa jabatan telah dibuat berkuatkuasa pada 15 Mac 2019. Penempatan Ini dibuat melibatkan pengarah Jabatan seperti berikut:

- Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Audit Dalam
- Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Audit Dalam ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan

- Lt.Kol.(B) Hj. Azmi bin Ismail, Pengarah Jabatan Pengutkuasa ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.
 - Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
7. Penempatan ini dibuat berdasarkan perbincangan mantan Tuan YDP MPS bersama pengurusan atasan. MPS percaya bahawa dengan kredibiliti, pengalaman dan pengetahuan para pengarah yang baru dilantik ini akan membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan cemerlang, berkesan dan telus dalam meneruskan misi penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

8. Untuk makluman, sehingga 28 Februari 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM 40.53 juta (79.48%) daripada RM 51 juta.

9. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 2.57 juta (36.78%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
10. Pihak MPS telah melaksanakan tindakan sitaan bagi pemilik yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran setelah tempoh waran tamat. Sebanyak 1,712 sitaan telah dijalankan sehingga 28 Februari 2019.
11. Pihak MPS juga telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2019.

KEJOHANAN PING PONG SUKAN MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGOTA KERAJAAN MALAYSIA (MAKSAK)

12. Untuk makluman, MPS telah dilantik sebagai PBT angkat bagi Sukan Ping Pong untuk Kejohanan MAKSAK yang akan berlangsung bermula 28 hingga 31 Mac, di Georgetown, Pulau Pinang.
13. Kontinjen Negeri Selangor akan diwakili oleh seramai 20 orang yang terdiri daripada urusetia MPS, pengurus pasukan, jurulatih dan atlet yang merupakan staf dari ahli-ahli badan gabungan yang telah dipilih bagi mewakili Pasukan Ping Pong Negeri Selangor.

14. Saya mengucapkan selamat maju jaya dan semoga kontingen negeri Selangor beroleh kejayaan.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.